

**NOTIS DARIPADA
PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR
(AKADEMIK & ANTARABANGSA)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**PERUBAHAN KALENDAR AKADEMIK SEMESTER KEDUA SESI 2020/2021(A202) BAGI
PROGRAM SARJANA MUDA**

Pihak Pengurusan Universiti Utara Malaysia telah bersetuju untuk meminda Kalendar Akademik Semester Kedua Sesi 2020/2021 (A202) bagi program Sarjana Muda berikutan penularan Covid-19 dalam kalangan pelajar di kampus serta diikuti pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampus Universiti Utara Malaysia (UUM) mulai 13 hingga 26 Jun 2021 dan pelanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 di seluruh Malaysia sehingga 28 Jun 2021. Pindaan kalendar akademik bagi Semester A202 adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	CATATAN
1.	Minggu ke-13 13 – 19 Jun 2021	▪ Tempoh bertenang kepada pelajar. ▪ Tiada sebarang aktiviti akademik melibatkan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan juga pentaksiran (tugasan, pembentangan, kuiz dan sebagainya).
2.	Minggu Ke-14 dan 15 21 Jun - 1 Julai 2021	▪ Aktiviti PdP akan diteruskan seperti biasa
3.	Minggu Peperiksaan 3 – 19 Julai 2021	▪ Minggu peperiksaan akan dilewatkan seminggu dari tarikh asal. Jadual peperiksaan akan dimaklumkan kemudian.
4.	Cuti Semester 20 Julai – 9 Oktober 2021	▪ Cuti Semester

Pengurusan UUM amat mengharapkan kerjasama semua dalam menjaga keselamatan diri dan mematuhi segala SOP yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Universiti. Kita pasti menang dalam melawan pandemik Covid – 19 ini sekiranya kita bersatu dan bekerjasama dalam semua aspek.

Sekian, harap maklum.

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Universiti Utara Malaysia
12 Jun 2021